

Didik kecenderungan anak sejak kecil

PERSEKITARAN adalah keadaan sekeliling yang boleh mempengaruhi pembentukan personaliti dan kecenderungan seseorang individu.

Menurut Pensyarah di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad, didikan ibu bapa akan mempengaruhi minat anak-anak.



ZAID

"Ibu bapa adalah contoh teladan dan kebiasaan mereka yang anak-anak cenderung untuk mengikut jejak langkah ibu bapa mereka kerana membesar dalam persekitaran tersebut sejak kecil.

"Bagaimanapun, ia bukan menjadi kayu ukur untuk anak-anak mewarisi minat atau kerjaya ibu bapa mereka," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Jelas beliau, ramai ibu bapa

mahu anak-anak menjadi seperti yang mereka capai, namun tidak kurang juga ada yang tidak suka anak mewarisi kerjaya mereka disebabkan pengalaman yang dialami.

Bagi ibu bapa yang mahu anak-anak mengikut jejak langkah mereka, Zaid berkata, mereka perlu mendidik dan membentuk kecenderungan anak sejak kecil.

"Proses pemindahan nilai dari dalam diri ibu bapa akan membentuk cara anak-anak selepas ia menjadi cara hidup

mereka sejak kecil.

"Ibu bapa perlu mengetahui kecenderungan anak-anak dan memberi sokongan kepada mereka," tambahnya.

Mengulas lanjut, Zaid berkata, pemberian galakan sesuai dengan minat dan anak akan menjadi motivasi untuk mereka terus berjaya.

Pada masa sama, ibu bapa perlu menyediakan kemudahan mengikut minat anak selain tidak melakukan paksaan yang mungkin boleh memberi tekanan.